

**UNTUK EDARAN SEGERA**



**KENYATAAN MEDIA  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PELANJUTAN TEMPOH PERKHIDMATAN GURU INTERIM  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN BAGI LANTIKAN TAHUN 2019**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ingin memaklumkan bahawa tempoh perkhidmatan Guru Interim lantikan tahun 2019 akan dilanjutkan untuk tempoh satu (1) tahun lagi. Pelanjutan tempoh ini adalah bagi membolehkan urusan temuduga dan lantikan tetap untuk guru-guru yang telah memenuhi syarat diselesaikan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP).

Sementara itu, bagi Guru Interim lantikan sebelum tahun 2019, mereka juga hendaklah memastikan syarat-syarat lantikan Skim Perkhidmatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) dipenuhi bagi membolehkan perakuan dibuat oleh KPM sebelum dikemukakan kepada SPP untuk urusan temuduga dan lantikan tetap.

KPM sentiasa komited untuk terus melakukan yang terbaik.

-TAMAT -

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
26 MEI 2022**